

29 JUN 2002

Abdullah-Perubahan

PERUBAHAN ANGIN PENGUNDI MELAYU AKAN JADI PENENTU, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 29 Jun (Bernama) -- Perubahan angin di kalangan pengundi Melayu akan menjadi penentu dalam persaingan antara Umno dan Pas di pilihan raya kecil kerusi Parlimen Pendang dan kerusi Dewan Undangan Negeri Anak Bukit, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

"Saya percaya semakin ramai yang mula sedar akan apa yang dilakukan oleh Umno bagi Islam dan orang Melayu. Terdapat perubahan pada mereka, itu saya dapat lihat."

"Ini bukan seperti pada 1999, perkembangan semasa banyak memberi kesan dan ini bukan luar biasa...beberapa faktor yang berlaku pada masa itu," katanya.

Beliau berkata demikian pada persidangan media selepas merasmikan konvensyen dua hari Mahasiswa Melayu Kebangsaan 2002, anjuran Persatuan Warga Warisan Melayu Muda Malaysia (Wawasan) di sebuah hotel di sini, hari ini.

Tidak lagi berlaku perbalahan dalaman, terdapat semangat perpaduan di mana sahaja, sehinggakan di kalangan pemimpin-pemimpin yang tidak sehaluan, katanya.

Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) hari ini menetapkan 18 Julai sebagai hari pengundian untuk kedua-dua pilihan raya kecil itu, dan 10 Julai sebagai hari penamaan calon.

Kedua-dua kerusi itu kosong ekoran kematian wakil rakyatnya Datuk Fadzil Noor yang juga Presiden PAS, Ahad lepas.

Sementara itu Abdullah berkata Barisan Nasional (BN) akan meletakkan dua calon masing-masing untuk bertanding di Pendang dan Anak Bukit.

Abdullah yang juga Timbalan Pengerusi BN berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan memutuskan calon-calon yang akan bertanding.

Beliau menyifatkan masa yang singkat untuk berkempen bagi kedua-dua pilihanraya kecil itu sebagai baik untuk parti.

Ditanya sama ada pilihan raya kecil itu adalah signifikan memandangkan senario sekarang ini, Abdullah berkata bagi BN setiap kerusi yang ditandinginya adalah signifikan kerana ia bermakna satu lagi undi di Parlimen dan juga di Dewan Undangan Negeri.

Ditanya mengenai kenyataan yang dibuat oleh Timbalan Presiden MCA Datuk Lim Ah Lek semalam yang meminta presiden parti Datuk Seri Dr Ling Liong Sik untuk mencontohi Dr Mahathir untuk berundur daripada parti itu, Abdullah berkata beliau tidak mahu mengulas mengenainya kerana ia isu MCA.

"MCA sendiri tahu untuk buat apa yang difikirkan wajar supaya MCA terus maju sebagai sebuah parti politik yang menjadi parti komponen BN," katanya.

Beliau berkata Umno mahu MCA terus menjadi sebuah parti politik yang berpengaruh dan boleh membantu menjayakan perjuangan BN.

Menyentuh mengenai pemilihan Majlis Tertinggi Umno, Abdullah berkata ianya belum dibincangkan di Majlis Tertinggi dan ia tidak mungkin dibincangkan di masa yang terdekat ini.

-- BERNAMA

HK MSL PR